

ERYSON GRANULES

Erythromycin Ethylsuccinate (200mg, 400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Eryson Granules
2. Bagaimana Eryson Granules berfungsi
3. Sebelum menggunakan Eryson Granules
4. Cara menggunakan Eryson Granules
5. Semasa menggunakan Eryson Granules
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Eryson Granules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Eryson Granules

Ubat ini digunakan untuk merawat dan mengelakkan jangkitan seperti jangkitan saluran pernafasan atas dan bawah, jangkitan kulit dan tisu lembut seperti berikut:

- *Pharyngitis, sinusitis* (jangkitan saluran pernafasan atas)
- *enteritis*, jangkitan paru-paru, bronkitis (jangkitan paru-paru bawah)
- Pencegahan jangkitan pembedahan (jangkitan di jantung), demam rheumatik
- *Diphtheria* (keradangan dalam membrane mukous)
- *Otitis media* (keradangan telinga tengah)
- *Erythrasma, Listeriosis, Diphtheria, Primary syphilis* (jangkitan bakteria)

Bagaimana Eryson Granules berfungsi

Eryson Granules terdiri daripada bahan aktif Erythromycin. Erythromycin adalah antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil macrolides. Ubat-ubat ini berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria, yang

menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Eryson Granules

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan Eryson Granules:

- Sekiranya anda alah, atau pernah mengalami reaksi alahan pada Erythromycin, Macrolides lain atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini.
- Jika anda pernah mengalami masalah hati semasa mengambil Erythromycin.
- Jika anda mempunyai sejarah (degupan jantung tidak sekata) selepas mengambil Erythromycin.
- Jika anda mengalami masalah pendengaran, buah pinggang atau hati.
- Jika anda sudah tua.

- *Sebelum menggunakan Eryson Granules*

Perhatian khas dengan penggunaan Eryson Granules Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami:

- Masalah hati
- Rentak jantung yang tidak sekata (aritmia)

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda sedang atau baru sahaja selesai mengambil ubatan berikut, termasuk ubatan yang diperolehi tanpa perskripsi seperti:

- warfarin (pencair darah)
- ubat sawan seperti carbamazepine, phenytoin, dan valproic acid
- antibiotik seperti chloremphenicol, penicillins dan lincomycin
- terfenadine (antihistamin untuk alahan)
- digoxin (untuk sakit jantung)
- ergotamine atau dihydroergotamine (untuk migrain)

- theophylline (untuk asma atau penyakit pulmonari obstruktif kronik)
- zopiclone (ubat tidur)
- lovastatin (ubat merendahkan kolesterol dalam darah)
- interaksi dengan ubat lain: alfentanil, astemizole, bromocriptine, cyclosporine, disopyramide, methylprednisolone, midazolam, nicoumalone, quinidine, tacrolimus, xanthines and triazolam.

Doktor anda patut megawasi anda dan mungkin akan mengubah dos erythromycin mengikut keperluan.

Sekiranya anda perlu melalui ujian air kencing, sila beritahu doktor anda yang anda sedang menggunakan erythromycin. Ini penting kerana ia mungkin menyebabkan gangguan pada ujian.

Kehamilan dan penyusuan anak

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengandung atau merancang untuk hamil. Erythromycin boleh merentasi lapisan placenta.

Erythromycin juga boleh merentasi halangan dan masuk dalam susu. Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubatan.

Cara menggunakan Eryson Granules

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor. Label ubat menerangkan jumlah yang perlu diambil dan kekerapan.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Untuk dimakan sahaja.

Dos dewasa biasa ialah 250mg tetapi ini mungkin berbeza dari orang ke orang.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak yang anda perlu ambil. Ini bergantung pada jangkitan yang dirawat dan betapa teruknya.

Bagi kanak-kanak, doktor akan membuat dos mengikut usia, berat badan dan sejauh mana jangkitan.

Dewasa:

Bagi 200mg/5mL

400mg (10mL) setiap 6 jam atau 800mg (20mL) setiap 12 jam

Bagi 400mg/5mL

400mg (5mL) setiap 6 jam atau 800mg (10mL) setiap 12 jam

Had dos dewasa: Antibakteria hingga 4g sehari

Kanak-kanak:

Bagi 200mg/5mL dan

400mg/5mL

30-50mg/kg setiap hari dalam dos yang dibahagikan; dua kali ganda dalam jangkitan teruk

Kanak-kanak 2- 8 tahun:

Bagi 200mg/5mL

1g (25mL) setiap hari dalam

dos yang dibahagikan

Bagi 400mg/5mL

1g (12.5mL) setiap hari dalam dos yang dibahagikan

Bayi dan kanak-kanak < 2 tahun

Bagi 200mg/5mL

500mg (12.5mL) setiap hari

dalam dos yang dibahagikan

Bagi 400mg/5mL

500mg (6.25mL) setiap hari

dalam dos yang dibahagikan

- Bila perlu digunakan

Sekiranya perlu diambil 2 kali sehari, untuk dewasa dan kanak-kanak, dos boleh diberikan setiap 12 jam, satu jam. Ambil dengan segelas air pada waktu malam.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu menghabiskan

antibiotik. Jangan berhenti mengambil ubatan anda walaupun anda merasai lebih sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda atau anak anda mengambil ubatan ini secara tidak sengaja, hubungi doktor anda atau hospital yang berdekatan dengan segera. Sekiranya boleh, ambil risalah ini, kotak ubatan atau granul bersama anda.

Simptom berlebihan dos termasuk rasa mual, muntah dan cirit-birit serta kehilangan deria pendengaran.

Semasa menggunakan Eryson Granules

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Eryson Granules.

Sekiranya anda mengambil Erythromycin untuk jangkitan dan simptom anda tidak bertambah baik dalam masa beberapa hari atau keadaan menjadi lebih teruk, beritahu

doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil Erythromycin.

Sekiranya anda mengalami cirit-birit yang teruk, beritahu doktor atau ahli farmasi dengan segera.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati dengan memandu atau mengendali jentera sehingga anda tahu bagaimana Eryson Granules memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Walaubagaimanapun, bukan semua orang akan mengalaminya.

Eryson granules mungkin akan menyebabkan alahan yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan Eryson granules dan dapatkan bantuan perubatan jika anda mengalami simptom berikut:

- Kemerahan kulit
- Lepuh kulit
- Ruam
- Demam
- Sakit tekak
- Kerengsaan mata

Kejadian berikut adalah kerap:

- Kesan gastrousus seperti ketidakselesaan perut dan kejang, loya, muntah dan cirit-birit.

Kejadian berikut pernah dilaporkan:

- kandidiasis oral (sakit mulut atau lidah, tompok putih di mulut dan/atau lidah)
- kandidiasis vagina (gatal-gatal dan pengeluaran cecair)
- jangkitan sekunder
- kolitis pseudomembranous (inflamasi usus besar disebabkan jangkitan bakteria)

Kejadian berikut adalah tidak kerap:

- kegatalan
- gatal yang kronik
- ruam kulit
- alahan

Reaksi hipersensitiviti mungkin berlaku disebabkan efek toksik ubat pada hati. Simptom menunjukkan cholestasis (pengurangan aliran hempedu disebabkan masalah hati) termasuk:

- sakit di bahagian atas perut
- mual
- muntah
- cirit-birit
- fungsi hati yang tidak normal
- peningkatan bilirubin dalam darah ataupun jaundis (penguningan kulit dan mata)
- ruam kulit
- demam
- penat atau lemah yang luar biasa

Kejadian berikut adalah jarang:

- pekak, kadang-kadang berasa berdering
- toksik pada jantung (degupan jantung tidak sekata atau perlahan, pengsan berulang, kematian mengejut)
- pengurangan jumlah sel darah putih secara serius
- neurotoksik sentral termasuk reaksi psikotik dan mimpi ngeri
- sindrom seperti myasthenia (kelemahan otot)
- pankreatitis (inflamasi pankreas)

Sekiranya anda menyedari bahawa kanak-kanak itu muntah dan/atau mudah mengalami iritabiliti semasa makan, hubungi doktor dengan

kadar segera kerana ini disebabkan oleh *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

Jangan kluatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Eryson Granules

- Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup dengan ketat (pek berasingan dan granules sahaja). Simpan secara tertutup ketat di dalam peti sejuk selepas rekonstitusi.

Simpan di tempat kering bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan ubatan sekiranya melebihi tarikh luputnya. Buang selepas 7 hari di rekonstitusi.

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air di rumah. Tanya ahli farmasi anda cara perlupusan ubatan yang betul.

Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Eryson Granules 200mg: Serbuk putih apabila dicairkan berwarna merah jambu, berperisa buah. Setiap 5 mL mengandungi Erythromycin Ethylsuccinate bersamaan dengan Erythromycin 200 mg.

Eryson Granules 400mg: Serbuk putih apabila dicairkan berwarna merah jambu, berperisa buah. Setiap 5 mL mengandungi Erythromycin Ethylsuccinate bersamaan dengan Erythromycin 400 mg.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Erythromycin Ethylsuccinate 200mg

- Erythromycin Ethylsuccinate 400mg

- Bahan tidak aktif:

- Cherry Red
- Saccharin Sodium
- Aerosil 200
- Flavour Strawberry
- Dextrose
- Orange flavour powder
- Propylparaben
- Sodium Carboxy Methyl Cellulose
- Methylparaben
- Trisodium citrate

- Nombor MAL

Eryson Granules 200mg/5ml: MAL19860679AZ

Eryson Granules 400mg/5ml: MAL19860681AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd (53667-M) Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd (53667-M) Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP
18/12/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190919/00259